

☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 19/6/2012
Hari: Selasa MS: N13
Ruangan: W10/24

UUM lokasi penggambaran drama

SINTOK: Universiti Utara Malaysia (UUM) dipilih menjadi lokasi penggambaran drama 'Doa Untuk Aku' yang mengisahkan kehidupan mahasiswa di kampus yang terpaksa menempuh pelbagai cabaran dalam kehidupan.

Penerbit Sha's Media Sdn Bhd, Datin Sharifah Zainab Syed Wadzid Ali, berkata drama berkenaan mengisahkan Adly seorang muallaf yang dilakonkan Geoffrey Abdullah yang belum mengenali Islam secara mendalam selain tidak begitu memahaminya mengenai pengertian doa.

Adly yang kematian ibu dan bapanya dalam kecelakaan jalan raya akhirnya memahami pengertian doa selepas menempuh pelbagai rintangan dan cabaran sepanjang menuntut di universiti.

Lokasi penggambaran yang bertaburan kehidupan masyarakat Islam kontemporari itu menfokuskan kepada konflik seorang muallaf yang sentiasa diuji dengan

pelbagai cabaran dalam usahanya mendalami Islam.

"Bagaimanapun, ujian demi ujian yang dihadapi muallaf berkeinginan mendapat sokongan daripada rakan sehingga akhirnya dia dapat menghayati Islam," katanya selepas majlis meraihan penerbit eksekutif dan krew produksi Doa Untuk Aku di sini.

Sementara itu, Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mus-

UUM bangga kerana kampus ini bukan saja menjadi tempat menimba ilmu, malah menjadi lokasi pilihan penggiat seni tanah air

Mohamed Mustafa Ishak
Naib Canselor UUM



MOHAMED (lapan dari kanan) bersama Sharifah Zainab (tujuh dari kanan) serta krew produksi drama 'Doa Untuk Aku' ceria selepas majlis meraihan mereka yang diadakan di kampus UUM baru-baru ini.

tafa Ishak, melahirkan penghargaan berikutan pemilihan kampus berkenaan dijadikan sebagai lokasi penggambaran drama yang mengambil masa 42 hari.

Beliau berharap drama itu dapat menyajikan jalan cerita yang dapat

memberi pengajaran kepada penonton selain dapat memperkenalkan UUM kepada masyarakat umum.

"UUM bangga kerana kampus ini bukan saja menjadi tempat menimba ilmu, malah menjadi lokasi pilihan penggiat seni tanah air.